

Beaufort perlukan sistem amaran banjir

BEAUFORT – Pemasangan sistem amaran awal banjir perlu dilaksanakan segera di daerah ini bagi memastikan segala tindakan dan proses pemindahan dapat dilakukan dengan cekap.

Pembantu Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar negeri, Datuk Kamarlin Ombi (**gambar**) berkata, sistem tersebut amat penting kerana Beaufort merupakan daerah yang paling kerap dilanda banjir terutamanya pada musim hujan.



Menurutnya, antara kawasan paling terjejas adalah kampung-kampung yang terletak dalam Dewan Undangan Negeri Lumadan dan Klias.

“Pelaksanaan sistem amaran awal banjir akan memberi manfaat bukan hanya kepada penduduk kampung yang dilanda banjir tetapi juga kepada pihak berkuasa keselamatan,” katanya selepas merasmikan Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Zon Gadong dekat sini kelmarin.